

Geotapak ini mewakili paras laut kuno tertinggi pernah direkod di Langkawi. Paras laut ini berada pada ketinggian 23 m dari paras laut sekarang mewakili takikan laut kuno. Di lokasi ini dijumpai juga longgokan pelbagai jenis cangkerang haiwan marin yang hidup ketika itu seperti tiram batu *Saccostrea cucullata*, kerang *Anadara granosa*, tiram *Ostrea sp.* dan siput *Telescopium telescopium*. Usia cangkerang ialah sekitar 7,000 tahun yang ditentukan oleh kaedah penentuan usia karbon. Bukti saintifik ini menunjukkan paras laut di Kepulauan Langkawi pada ketika itu berada lebih 20 m di atas paras laut sekarang.

Perubahan paras laut berlaku sepanjang masa bergantung kepada keadaan keaktifan tektonik di sesuatu wilayah atau akibat perubahan iklim. Vegetasi di sini diwakili oleh flora pantai berpasir yang dicirikan oleh flora seperti *Barringtonia racemosa* dan *Knema globularia*, manakala flora batu kapur, menampung spesies yang menarik seperti Bogak (*Cycad clivicola*). Nama pantai berpebel berhampiran dengan geotapak ini dikenali sebagai Teluk China Mati dipercayai berkait dengan pedagang Cina pernah berkunjung ke Langkawi tetapi mati di situ. Geotapak ini hanya sesuai untuk rekreasi memanjat bukit dan pendidikan awam.

This geosite represents the highest ancient sea level ever recorded in Langkawi. This sea level is at an altitude of 23 m above sea level, now representing the ancient sea notch. At this site, there are piles of various shells of ancient marine animals, such as Saccostrea cucullata stone oysters, Anadara granosa shells, Ostrea sp. and Telescopium telescopium snails. These shells were dated to about 7,000 years old. This scientific evidence shows that the sea level in the Langkawi Archipelago at that time was more than 20 m above sea level now.

Sea level changes occur over time depending on the tectonic activity in a region or because of climate change. The vegetation here is represented by sandy beach and limestone flora, such as Cycad clivicola. The beach near this geosite is known as the Dead China Bay, believed to be related to Chinese traders who once visited Langkawi but died there. This geosite is only suitable for hill-climbing recreation and public



▲ Tiram *Ostrea sp.*
Ostrea sp. oyster



▲ Pandangan dekat longgokan siput *Telescopium sp.*
Close-up of Telescopium sp. shells



▲ Bogak (*Cycad clivicola*)
Cycad clivicola

▼ Tiang batu kapur memerangkap longgokan cangkerang hidupan laut kuno
The limestone pillar trapped the pile of various types of ancient seashells



▲ Tanjung Dendang
Dendang promontory